

NO. SOALAN: 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 18 MEI 2015

RUJUKAN : 7835

SOALAN:

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana mendapatkan Student Pass untuk kanak-kanak yang tidak ada kewarganegaraan Malaysia dan juga mana-mana kewarganegaraan lain atau tidak ada passport dan dokumen lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) hanya mengeluarkan pas pelajar kepada kanak-kanak warganegara asing yang masuk dan mempunyai dokumen perjalanan atau pasport yang sah untuk bersekolah di Malaysia. Manakala bagi kes di mana seseorang kanak-kanak tidak memegang sebarang kewarganeraan dan tidak jelas status di Malaysia, sesuatu dokumen perjalanan tidak dapat dikeluarkan kepada mereka. Oleh itu, secara teknikalnya mereka ini tidak memenuhi syarat untuk dikeluarkan dengan pas pelajar.